

INSAFLAH...! JIKA MAHU INSAF

UMAT ISLAM DI TANAH MELAYU

Makalah yang mengupas kedudukan kita Umat Islam di Tanah Melayu adalah ditulis oleh Ustadh Abū Bakar Ḥamzah guru Madrasah al-Khilāfiyyah al-Islāmiyyah Masjid Tinggi Bagan Serai Perak.

(Oleh Abū Bakar Ḥamzah)

Kita umat Melayu telah memeluk Agama Islam semenjak lebih daripada enam ratus tahun dahulu. Orang Melayu hari ini rela menyabung nyawa kalaulah mereka dituduh “bukan penakluk agama Islam”, tetapi kebanyakan kita tidak berasa malu sekalipun hidup di bawah kepalsuan.

Kita di Tanah Melayu mempunyai Majlis-Majlis Agama Islam, ketua-ketua Islam, mufti-mufti, kadi-kadi dan diperintah oleh Raja-Raja Islam. Kita mengaku beriman dan beragama Islam tetapi kebanyakannya tidak beramal dengan ajaran Islam.

Satu perkara yang mesti difaham oleh tiap-tiap orang Melayu yang beragama Islam ialah bahawa iman itu tidaklah dikatakan iman jika tidak mempunyai tiga perkara:

- (1) Mengerti mengapa dia beriman kepada Allah
- (2) Iman itu ada teras ke dalam sanubari
- (3) Iman itu dibuktikan dengan amalannya

Saya tidak berani menuduh tetapi ada banyak bukti menunjukkan bahawa kebanyakan kita tidak beramal dengan ajaran Islam yang tulen. Itulah sebabnya kita mundur, Tuhan tidak akan mengubah nasib kita selagi kita rela hidup dengan undang-undang jiptaan manusia biasa semata.

Siapakah yang bertanggungjawab

Umat Melayu tentulah sedar nasib mereka sendiri, sedar

di mana merka berada, sedar ke mana mereka menuju dan sedar apakah yang menjadi idaman siang dan malam; tetapi boleh jadi mereka tidak pun begitu sedar apakah yang menyebabkan mereka mundur tetapi Rasulullah ada bersabda tujuannya: “Di sana ada dua golongan di dalam masyarakat manusia, kalau mereka layak maka eloklah hal rakyat jelata, dan kalau mereka celaka maka meranalah rakyat jelata- iaitu pembesar-pembesar negeri dan alim ulama” oleh itu soal pembesar-pembesar dan tok-tok ‘alim ini amatlah perlu dibicarakan, kerana mengikut sabda Rasulullah merekalah yang bertanggungjawab tentang kemunduran atau kemajuan sesuatu masyarakat yang diketahui oleh mereka. Untuk membuktikan kebenaran di dalam kenyataan ini maka ada baiknya dibahagikan pembesar-pembesar dan alim ulama tadi kepada beberapa bahagian masing-masing dengan pembawaan serta tingkah lakunya yang tersendiri. Penyiasatan pada zaman ini ada menunjukkan bahawa alim ulama Islam pada hitung panjangnya adalah terbahagi kepada tiga bahagian.

Pertama – alim ulama yang benar-benar mengerti hakikat Islam, lagi mempunyai kebolehan di dalam soal menyebarkan Islam yang tulen, tetapi keperluan ini tidak berani menegakkan golongan yang diperintah oleh Allah, kerana mereka menjaga jawatan – menjaga maslahat diri. Golongan yang demikian

tidak menurut landasan Islam.

Kedua – alim ulama yang taksub. Golongan ini terbahagi pula kepada beberapa bahagian, masing-masing bermati-mati berpegang kepada ajaran mazhab-mazhab lebih daripada kepercayaan mereka kepada al-Quran dan hadis. Dengan perangai taksub kepada mazhab-mazhab itu timbullah pertengkaran.

Perdirian Rakyat Jelata

Rakyat jelata tentulah tidak pandai dan tidak bijak. Oleh itu mereka adalah sangat berhajat kepada panduan pembesar-pembesar negeri dan kepada penerangan alim ulama; tetapi hendaklah diingat bahawa segala tenaga yang dikorbankan oleh tok-tok alim dan pembesar-pembesar tidaklah boleh memberi faedah kepada masyarakat kalau pengorbanan itu tidak mendapat sambutan dan kerjasama daripada pihak rakyat jelata. Kata-kata yang semacam ini selalu sahaja kedengaran dilaung-laungkan di Tanah Melayu ini, tetapi laungan-laungan itu masih jua berupa “laungan lidah tidak bertulang” belumlah kelihatan langkah-langkah praktik yang

boleh dilaksanakan. Kalau kita ikuti aliran pemikiran umat Melayu, maka kita akan dapati pembesar-pembesar masih menyangka bahawa mereka adalah mempunyai “darjat yang lebih tinggi” daripada rakyat jelata seolah-olah rakyat jelata ini tidaklah begitu perlu dipimpin ; sedang rakyat jelata pula dengan kejahilan, taksub, sempit pengalaman dan dengan kelakuan “bodoh sombong”-menyangka bahawa mereka sudah boleh hidup dengan tidak payah mencari panduan dan pimpinan daripada ‘alim ulama’ dan pembesar-pembesar , tetapi rakyat jelata yang “cerdik tak boleh ditumpang – bodoh tak boleh diajar” tadi tidak pun cuba mengerti adakah taraf hidup yang mereka bangga-banggakan itu betul menuju kepada apa yang disuruh oleh Allah Ta‘ālā, dan adakah kebanggaan mereka itu sudah boleh dinilai dengan neraca Islam. Penyiasatan-penyiasatan istimewa mengenai jiwa golongan rakyat jelata di dalam mana-mana.

Golongan ini semuanya beriktikad bahawa pada zaman ini “pintu ijtihad” di dalam Islam sudah tertutup maka segala ikhtiar bagi membuka “pintu ijtihad” adalah dikira



Penuntut-penuntut anak-anak yatim (lorong 29 Gelang) yang belajar di Madrasah al-Junīd dari darjah satu hingga darjah tujuh (Qism Al-Takhasus)

mengada-ada dan melampau falsafah golongan ini adalah menyekat kebebasan berfikir pada hal tindakan yang mula-mula dibawa oleh Jibrail kepada Rasulullah ialah “membebaskan fikiran manusia” daripada pengaruh-pengaruh berhala yang ditempah oleh manusia sendiri. Boleh jadi datuk-datuk alim dari golongan ini berbangga-bangga dengan perkataan “al-Ulama’ Warithatu al-Anbiya’” yang telah disabdakan oleh Rasulullah. Ya, tetapi ulama yang menjadi waris-waris nabi itu bukanlah ulama-ulama taksab kepada mazhab-mazhab.

Yang ketiga- golongan yang telah menerima didikan secara barat yang bukan Islam. Mereka menyangka bahawa kemajuan dunia dan kemakmuran hidup tidaklah boleh dibuktikan kalau kita hanya berpegang dengan al-Quran.

Sebenarnya kita umat melayu tidaklah mengetahui betul apakah puncanya maka kita telah mundur dan tertindas? Tetapi golongan-golongan yang tiga tadi adalah benar mempunyai pengaruh-pengaruh yang hebat lagi istimewa kepada jiwa umat Melayu kita; dan kita percaya bahawa dengan licinnya perjalanan golongan-golongan itu nescaya rakyat jelata akan menerima kesedaran dan perubahan-perubahan baharul kerana tok-tok ulama’ dan pembesar-pembesar negeri adalah bertanggungjawab di akhirat kelak. Juga masyarakat manusia- ada membuktikan bahawa rakyat jelata yang bodoh itu akan bersatu, bukanlah seperti golongan-golongan yang hidup di kota-kota dan di bandar-bandar ramai. Rakyat jelata tidak banyak fikir, tidak banyak helah tidak banyak cakap tidak banyak berbicara, malah tidak suka perbahasan-perbahasan kerana mereka tidak ada modal di dalam perkara-perkara “kacau daun” semacam ini. Rakyat jelata lebih bersedia untuk bekerja terus daripada bersedia bercakap-cakap itu dan ini. Inilah sebabnya maka orang-orang kampung kelihatan rasa meluat dan jemu bila da ketua-ketua atau pembesar-pembesar bersyarah atau memberi nasihat. Syarahan atau nasihat hanya tinggal angin, tetapi kerja dan bebanan tetap juga dipikul ke atas bahu rakyat jelata, walaubagaimanapun rakyat jelata tadi tidaklah boleh dibiarkan dengan tidak diberi panduan dan pimpinan. Di dalam soal

memperbaiki moral dan akhlak rakyat jelata maka tiga perkara yang terpenting hendaklah dijaga iaitu:

- (1) Rasa malu rakyat jelata kepada pemimpin
- (2) Rasa percaya rakyat kepada pemimpin
- (3) Rasa sayang rakyat kepada pemimpin

Kalau mana-mana satu daripada tiga perkara itu dapat kita adakan maka apa jua kata kita akan mudah dituruti, malah rakyat jelata akan rela mati mempertahankan ketua yang mereka malu, percaya dan sayang. Perlu disebut bahawa rakyat jelata akan mengikut “rasa hati” bukanlah menggunakan “akal”. Rakyat jelata akan menyerbu, bila ketua mereka menyerbu mereka akan undur bila ketua mereka undur dan mereka akan tegak di belakang bila ketua mereka itu tetap berdiri tegak, malah rakyat jelata rela mati bertindih mayat bersama-sama ketua yang mereka malu, percaya dan kasih, tetapi bila ditanya. Mengapakah mereka buat begitu maka mereka tidaklah tahu mencerita dengan aliran yang munsabah. Dengan gambaran ini dapatlah difaham bahawa golongan rakyat jelata tidaklah selalu menggunakan akal fikiran yang waras tetapi mereka hanya “main ikut rasa hati” semata-mata.

Kita selalu mendengar banyak ketua-ketua mengeluh konon rakyat jelata itu amat payah dipimpin dan selalu buat “kacau daun”. Ya, kita mengaku bahawa di kalangan rakyat jelata ada terdapat banyak ragam, tetapi keragaman itu bukanlah dahsyat dan merbahaya seperti keragaman yang dibawa oleh ketua-ketua dan golongan-golongan yang terpelajar. Ketua-ketua yang ingin hendak memperbaiki masyarakat bangsa sendiri wajiblah mempelajari “psikologi dan sains” berkenaan masyarakat manusia sampai senang mereka berhubung dengan rakyat jelata.

Pada zaman itu kesedaran telah pun menjalar ke segenap golongan rakyat jelata jua telah turut. Sedar dan mula mengerti harga diri sendiri; maka terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin mengambil peluang dan menggunakan kesempatan yang keemasan itu.